

PENGENALAN

Definisi

Dalam bahasa Arab, "Zakat" secara umumnya bererti pertambahan. Berasaskan pengertian umum ini, ia kemudiannya digunakan bagi banyak pengertian seperti cerdik, subur, jernih, berkat, kepujian, bersih dan lain-lain.

Sebagai satu istilah dalam pengajian hukum Islam atau "Fiqh", zakat bererti mengeluarkan kadar tertentu dari harta yang tertentu bagi faedah golongan yang berhak menerimanya, sebagaimana yang ditentukan oleh Allah. Dalam penggunaan lain, ia juga bererti harta yang dikeluarkan itu sendiri.

Selain itu, perkataan zakat ada disebut dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu istilah yang tunggal bagi sesuatu pengertian kerana al-Qur'an dan al-Sunnah juga menggunakan perkataan "sedekah" bagi pengertian yang sama. Dalam al-Qur'an, misalnya Allah berfirman yang bermaksud:

"Ambillah dari harta mereka sedekah (zakat) yang dengan itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka."

Dalam hadith pula Rasulullah s.a.w bersabda:

"Di bawah pada lima "ausuq" tidak dikenakan sedekah (zakat)"

Mengambil kira pengertian-pengertian di atas, sesetengah para fuqaha berpendapat "zakat" dan "sedekah" adalah dua perkara seerti atau sinonim. Al-Mawardi berpendapat bahawa "sedekah" itu zakat dan zakat itu sedekah. Kedua-duanya berpisah pada nama, bersatu pada pengertian.

Dalam bahasa Arab, "sedekah", secara umumnya bererti memperkuuhkan sesuatu dengan sesuatu. Berdasarkan pengertian umum ini, ia kemudiannya digunakan bagi pengertian lain, seperti bersikap benar, berkawan, mas kahwin, pemberian dan sebagainya. Berdasarkan pengertian inilah, maka sesetengah para ulamak berpendapat bahawa sedekah pada asasnya dalam syariah Islam bererti konsisten antara tindak-tanduk dengan iktikad.

Walau bagaimanapun, sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu, sedekah tidak lagi digunakan bagi mengertikan zakat. Ia biasanya digunakan bagi mengertikan zakat. Ia biasanya digunakan bagi mengertikan pemberian secara sukarela kepada mana-mana pihak sahaja dengan tujuan untuk mendapat pahala dari Allah. Dengan kata lain, zakat mengertikan pemberian wajib, sementara sedekah mengertikan pemberian sunat.

Petikan dari
Konsep dan Objektif Zakat Dalam Islam
Oleh Dr. Mahmood Zuhdi Abd. Majid

TAKRIFAN ASNAF

1. Fakir

Seseorang yang tidak mempunyai harta, pekerjaan atau yang menerima pendapatan tidak melebihi 50% daripada had kifayah untuk keperluan asas harian diri serta tanggungannya.

2. Miskin

Seseorang yang mempunyai harta, pekerjaan atau pendapatan yang melebihi 50% tetapi tidak mencapai had kifayah untuk keperluan asas diri serta tanggungannya.

3. Amil

Individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.

4. Muallaf

Mereka yang dijinakkan hatinya untuk memeluk Islam namun belum kukuh Islamnya.

5. Ar-Riqab

Golongan yang terbelenggu dengan perhambaan dan tawanan, termasuklah belenggu pemikiran, harta benda, kekuasaan, kebebasan, kejahilan atau kongkongan pihak-pihak tertentu.

6. Al-Gharimin

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungan atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh syarak.

7. Fisabilillah

Golongan yang berjuang, berusaha, mempertahan serta meningkatkan syiar dan dakwah Islam.

8. Ibnu Sabil

Musafir yang hendak memulakan perjalanan yang diharuskan oleh syarak atau musafir yang keputusan (perbelanjaan) semasa perjalanan.

KRITERIA-KRITERIA ASNAF

1. Kriteria Asnaf Fakir
 - i. Islam.
 - ii. Keutamaan kepada warganegara Malaysia.
 - iii. Bermastautin (tempoh tinggal tetap) di negeri berkenaan.
 - iv. Tiada pendapatan, pekerjaan, pendapatan kurang daripada 50% had kifayah atau harta yang mencapai separuh had kifayah.
2. Kriteria Asnaf Miskin
 - i. Islam.
 - ii. Keutamaan kepada warganegara Malaysia.
 - iii. Bermastautin (tempoh tinggal tetap) di negeri berkenaan.
 - iv. Mempunyai harta, pekerjaan atau pendapatan melebihi 50% tetapi tidak mencapai had kifayah.
3. Kriteria Asnaf Amil
 - i. Islam.
 - ii. Mempunyai tauliah daripada pihak berkuasa zakat negeri.
 - iii. Amanah.
 - iv. Mempunyai ilmu dan kemahiran dalam bidang pengurusan zakat.

4. Kriteria Asnaf Muallaf

Asnaf Muallaf hendaklah bercirikan sekurang-kurangnya satu daripada perkara berikut:

- i. Baru memeluk agama Islam dan belum kukuh Islamnya.
- ii. Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam.
- iii. Ketua-ketua bukan Islam yang berpengaruh dalam kaum atau masyarakat yang diharapkan pemberian itu akan menggalakkan individu tersebut atau pengikutnya menerima Islam atau mengurangkan sikap permusuhan dengan Islam.

5. Kriteria Asnaf Ar-Riqab

- i. Islam.
- ii. Tiada sumber kewangan yang mencukupi atau tidak mendapat bantuan daripada sumber lain.
- iii. Disahkan oleh pihak MAIN / AMZ ingin membebaskan dirinya daripada belenggu sosial dan akidah yang dihadapi.
- iv. Dengan rela hati mengikuti program pemulihan dan rawatan spiritual Islam yang dilaksanakan oleh pihak MAIN / AMZ serta bersetuju menghadiri kelas-kelas bimbingan agama yang telah ditetapkan oleh pihak MAIN / AMZ.

6. Kriteria Asnaf Al-Gharimin

- i. Islam.
- ii. Orang yang berhutang tetapi tidak mempunyai sumber lain untuk melunaskan hutangnya dengan syarat:
 - a) individu / institusi telah berhutang;
 - b) hutang mestilah berkaitan dengan aktiviti yang dibenarkan oleh syarak;
 - c) hutang untuk keperluan yang mendesak;
 - d) telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membayar hutang;
 - e) hutang perlu diselesaikan dengan segera;
 - f) hutang tidak berulang;
 - g) tidak merancang untuk menerima bantuan zakat;
 - h) berdisiplin membayar hutang (jika melibatkan hutang berkala); dan
 - i) syarat tambahan bagi pembiutang: boleh menuntut dengan pihak berkuasa institusi zakat sekiranya penghutang hilang keupayaan fizikal / mental. (kecuali penghutang ceti haram)

7. Kriteria Asnaf Fisabilillah

Orang Islam yang terlibat dalam:

- i. Usaha yang dilaksanakan yang tidak melanggar syariat Islam.
- ii. Usaha yang dilaksanakan yang memberi manfaat kepada Islam.
- iii. Usaha yang dilaksanakan yang memenuhi pengertian jihad fisabilillah.
- iv. Usaha yang dilaksanakan yang menuju ke arah amar makruf dan nahi mungkar.
- v. Usaha yang dilaksanakan yang dapat meningkatkan imej, syiar serta menjaga maruah Islam mengikut keutamaan.
- vi. Usaha yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang mampu mengukuhkan akidah orang-orang Islam.
- vii. Usaha yang digerakkan ke arah penyampaian dakwah kepada umat Islam dan bukan Islam.
- viii. Usaha membasmi kejahilan dan meningkatkan taraf intelektual umat Islam

8. Kriteria Asnaf Ibnu Sabil

- i. Islam.
- ii. Perjalanan yang diharuskan oleh syarak.
- iii. Tidak mempunyai perbelanjaan yang mencukupi bagi membayai keperluan asasi buat sementara waktu sebelum pulang ke negeri / negara asal.
- iv. Ketidakmampuan keluarga bagi membantu musafir yang terkandas untuk kembali ke negara asal dalam tempoh sekali sahaja berdasarkan kes tertentu yang boleh dipertimbangkan.